

NO. SEBUT HARGA : JKWPKL(T)/900(S)/7

**KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA
PELUPUSAN ASET ALIH KERAJAAN**

**Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan
Kuala Lumpur & Putrajaya
Unit Pentadbiran
Jalan Cenderasari
50590 KUALA LUMPUR**

1. Tawaran adalah dipelawa kepada **Syarikat Bumiputera** yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan dalam **Bidang Membeli Barang Lulus (Perlu Permit)-221902** yang berminat untuk membeli aset seperti di **Lampiran 'A'**.

2. Aset boleh dilihat/dilawat pada **22 Mei 2018 (Selasa)** hingga **28 Mei 2018 (Isnin)** di antara jam **9.30 pagi** hingga **3.30 petang** (waktu bekerja sahaja) di **Tempat Meletak Kenderaan, Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya (JKWPKL&P)**. Kehadiran syarikat ke lokasi yang dinyatakan ini adalah wajib dan perlu disahkan oleh Unit Pentadbiran, Bahagian Pengurusan JKWPKL&P pada borang pengesahan kehadiran lawatan tapak yang perlu disertakan bersama semasa mengemukakan tawaran sebut harga. Sila hubungi Unit Pentadbiran, Bahagian Pengurusan JKWPKL&P di talian 03-22687443/03-22687221 untuk melihat aset berkenaan.


3. Tawaran sebut harga boleh dibuat dengan menggunakan Borang Sebut Harga Pelupusan Aset Alih Kerajaan (KEW.PA-25) yang boleh diperoleh di alamat seperti di atas. Tawaran hendaklah sah bagi tempoh **90 hari**.

4. Semua tawaran dengan maklumat yang lengkap hendaklah menggunakan sampul surat berlakri dan di tanda No. Sebut harga **JKWPKL(T)/900(S)/7** dan dihantar melalui pos atau dimasukkan ke dalam Peti Sebut harga di alamat seperti di atas.

Tawaran sebut harga (KEW.PA-25) wajib disertakan bersekali dengan dokumen-dokumen berikut;

- 4.1 Salinan Sijil Pendaftaran Syarikat dengan Kementerian Kewangan-221902
- 4.2 Salinan Sijil Pendaftaran Bertaraf Bumiputera
- 4.3 Salinan permit polis
- 4.4 Borang pengesahan kehadiran lawatan tapak

5. Tarikh tutup sebut harga pada **31 Mei 2018 (Khamis)** jam **12.00** tengah hari. Sebut harga yang diterima lewat tidak akan dipertimbangkan.


(SARIRAH SALWA BINTI HASSAN)
Penolong Pegawai Tadbir (Pentadbiran)
b.p Pengarah Kesihatan
Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya
Tarikh : 22 Mei 2018

SYARAT DAN PERATURAN SEBUT HARGA

1. Aset akan dijual tertakluk kepada harga simpanan.
2. Kerajaan berhak menawar tawaran kepada lebih daripada satu penyebut harga.
3. Penyebut harga adalah dikehendaki menyertakan deposit sebut harga sebanyak 5% daripada harga tawaran bagi setiap aset atau RM5,000 mengikut mana yang terendah. Deposit sebut harga hendaklah dalam bentuk kiriman wang pos atau draf bank sahaja atas nama ***Pengarah Kesihatan Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya***.
4. Tawaran tanpa/kurang deposit sebut harga tidak akan dipertimbangkan.
5. Semua aset adalah dijual sebagaimana keadaannya semasa dilihat (*as-is-where-is basis*).
6. Jabatan ini tidak bertanggungjawab ke atas aset yang telah dijual.
7. Semua perbelanjaan berkaitan pembelian aset seperti kos menanggal (*dismantle*), mengangkut dan sebagainya hendaklah ditanggung oleh pembeli sendiri.
8. Pembeli yang berjaya hendaklah membuat pembayaran penuh dalam tempoh satu (1) minggu dari tarikh pemberitahu keputusan. Jika bayaran tidak dijelaskan dalam tempoh tersebut, deposit sebut harga tidak akan dikembalikan.
9. Pembeli yang berjaya hendaklah mengambil aset dalam tempoh 7 hari selepas bayaran penuh dijelaskan. Jika gagal, bayaran yang telah dibuat tidak akan dikembalikan dan Jabatan berhak untuk melupuskan aset tersebut.
10. Kenderaan yang telah diluluskan pelupusan secara jualan sisa tidak boleh didaftarkan semula dengan Jabatan Pengangkutan Jalan.

NO. SEBUT HARGA : JKWPKL(T)/900(S)/7

KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA
PELUPUSAN ASET ALIH KERAJAAN SECARA JUALAN SISA

Bil.	Keterangan aset	Kuantiti	Harga Simpanan (RM)
1.	Van Ambulans : IVECO DAILY No. Pendaftaran:WND 1074 Tahun:2005	1	2,000.00